



**TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)**

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. Putrajaya
Malaysia

Tel: 603-88853002
Faks (Fax): 603-88892639
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.(S).600-1/3/31 (29)
Tarikh : 2 Februari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan


YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENANGGUHAN PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN
DASAR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN
AWAM (DPSM)**

Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Surat Edaran JPA.(S).600-1/3/31 (2) bertarikh 21 Disember 2021 telah memperkenalkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia SM.1 Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM).

2. Berdasarkan surat edaran tersebut, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia SM.1 DPSM akan menggantikan Pekeliling Perkhidmatan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSA) yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

3. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia SM.1 DPSM ini juga, telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022 sebagai tempoh persediaan, dan akan berkuat kuasa sepenuhnya mulai 1 April 2022. Walau bagaimanapun, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia SM.1 DPSM telah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga 31 Disember 2022 melalui surat edaran ruj. JPA.(S).600-1/3/31 (26) bertarikh 2 Mac 2022 untuk membolehkan ia ditambah baik.



4. Namun demikian, berdasarkan pertimbangan terkini atas dasar keperluan untuk meneliti keberkesanan pelaksanaannya, DPSM kekal **ditangguhkan** sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.


5. Susulan **penangguhan** DPSM ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh meneruskan perancangan latihan yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005: Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

6. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara